

# PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 02 Tahun 2020

## PEKELILING ARAHAN PENTADBIRAN BERKENAAN KAWALAN DAN PENCEGAHAN BERKAITAN PENULARAN COVID-19 UNTUK WARGA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini memaklumkan mengenai Arahan Pentadbiran Berkenaan Kawalan dan Pencegahan Berkaitan Penularan COVID-19 untuk warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

### 2.0 LATAR BELAKANG

Universiti Teknologi MARA (UiTM) memandang serius mengenai pengisytiharan penularan jangkitan COVID-19 sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan laporan berkaitan dengannya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Justeru itu, Mesyuarat Khas Majlis Eksekutif Universiti pada 13 Mac 2020 telah mengarahkan kawalan pencegahan berkaitan COVID-19 kepada warga UiTM.

### 3.0 PELAKSANAAN

**Semua warga UiTM sama ada staf atau pelajar adalah tertakluk untuk mematuhi arahan seperti berikut:**

#### Urusan Ke Luar Negara:

- 3.1 Semua warga **diwajibkan menangguhkan perjalanan ke luar negara** terutamanya ke negara-negara yang sedang mengalami wabak jangkitan COVID-19 sepertimana yang telah dimaklumkan oleh KKM termasuk perjalanan yang telah mendapat kelulusan Naib Canselor sebelum ini.
- 3.1 **Semua aktiviti yang akan dijalankan di luar negara** hendaklah **ditangguhkan** termasuk aktiviti yang telah mendapat kelulusan Naib Canselor sebelum ini.
- 3.2 **Semua warga yang telah atau akan pulang dari negara China, Hong Kong, Taiwan, Macau, Jepun, Korea, Italy, Iran dan negara-negara yang berisiko dengan COVID-19 ATAUPUN mempunyai hubungan rapat dengan pesakit yang disahkan positif COVID-19** diminta untuk:

- i) **Memaklumkan segera kepada Pusat Kesihatan** melalui e-mel [pusatkesihatan@uitm.edu.my](mailto:pusatkesihatan@uitm.edu.my) atau melalui WhatsApp di talian 019-2726949 manakala warga UiTM Cawangan diminta untuk memaklumkan kepada Unit Kesihatan UiTM Cawangan masing-masing.
- ii) **Menjalani *home surveillance*** selama 14 hari setelah mendapat arahan daripada Pusat Kesihatan UiTM.
- iii) **Memohon Cuti Kuarantin** melalui sistem HR2U dengan mengemukakan surat arahan *home surveillance* yang dikeluarkan oleh Pusat Kesihatan UiTM.

#### **Aktiviti Akademik:**

Aktiviti akademik akan berjalan seperti biasa, walau bagaimanapun:

- 3.3 **Pensyarah perlu lebih peka dan prihatin** terhadap tahap kesihatan pelajar yang hadir pada sesi kuliah masing-masing.
- 3.4 **Pensyarah perlu menasihati** pelajar yang mempunyai gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk, selsema, sakit tekak atau sesak nafas supaya menjarakkan diri dengan individu lain sekurang-kurangnya 1 meter dan memakai penutup mulut (*face mask*) seterusnya mendapatkan rawatan segera di Pusat/Unit Kesihatan UiTM atau klinik kerajaan berhampiran.
- 3.5 Selaras dengan Polisi Penyampaian Fleksibel UiTM (Pekeliling Akademik Bilangan 4 Tahun 2019);
  - i) **Pensyarah wajib** mengambil inisiatif mengendalikan sesi pengajaran secara dalam talian kepada para pelajar yang tidak dapat hadir kuliah disebabkan positif COVID-19 atau berada dalam kuarantin.
  - ii) **Pensyarah boleh** menjalankan sesi pengajaran secara dalam talian bagi kuliah berbentuk *mass lecture* yang melibatkan lebih daripada 50 orang pelajar dengan mematuhi ketetapan yang terdapat di dalam Pekeliling Akademik Bilangan 4 Tahun 2019.
- 3.6 **Pensyarah dari luar negara** berdasarkan senarai terkini KKM sebagai negara yang terjejas teruk **tidak dibenarkan menjalankan kuliah**. Jika perlu dilaksanakan, pensyarah tersebut **perlu melalui kuarantin selama 14 hari** seperti yang disarankan KKM.

#### **Aktiviti Pelajar:**

Aktiviti wajib kokurikulum dan aktiviti pembangunan pelajar dijalankan seperti biasa, walau bagaimanapun:

- 3.7 **Semua penganjuran sukan tempatan dan antarabangsa** yang dianjurkan oleh pihak UiTM dan majlis sukan universiti, kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan **di dalam dan di luar kampus ditangguhkan**.
- 3.8 **Semua aktiviti Kampus/Fakulti/Jabatan/Unit** termasuk aktiviti kuliah dan kokurikulum yang dilaksanakan **di luar kampus UiTM hendaklah ditangguhkan**.

- 3.9 Sekiranya aktiviti terpaksa dilaksanakan berdasarkan kepentingan universiti, Pusat Tanggungjawab diminta mematuhi langkah-langkah keselamatan dan kesihatan yang ditetapkan oleh KKM dan merujuk Pusat Kesihatan UiTM terlebih dahulu.

#### **Aktiviti Pentadbiran:**

- 3.10 Semua aktiviti berbentuk mesyuarat/bengkel/seminar/konferensi/khidmat masyarakat yang dilaksanakan **di luar kampus UiTM hendaklah ditangguhkan.**
- 3.11 Sekiranya aktiviti terpaksa dilaksanakan berdasarkan kepentingan universiti, Pusat Tanggungjawab diminta mematuhi langkah-langkah keselamatan dan kesihatan yang ditetapkan oleh KKM dan merujuk Pusat Kesihatan UiTM terlebih dahulu.
- 3.12 **Semua Pusat Tanggungjawab** disaran mengambil langkah-langkah keselamatan di semua ruang pembelajaran dan pejabat seperti penyediaan *hand sanitizer*.

#### **4.0 TARIKH DIKELUARKAN**


Pekeliling dikeluarkan pada **13 Mac 2020**.

#### **5.0 TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **13 Mac 2020**.

#### **6.0 PEMAKAIAN.**

- 6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua warga (staf dan pelajar) Universiti Teknologi MARA dan untuk **edaran dalaman sahaja**.
- 6.2 Tempoh penangguhan ini adalah tertakluk kepada perkembangan terkini wabak COVID-19 dan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 6.3 Sebarang implikasi kos yang ditanggung oleh warga disebabkan pembatalan atau penangguhan perjalanan ke luar negara tidak akan dibiayai oleh UiTM.
- 6.4 Kegagalan staf atau pelajar mematuhi pekelling ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.



**PROF. EMERITUS DATUK I.R. DR. MOHD AZRAAI KASSIM**  
Naib Canselor

*Salinan Kepada:*  
Semua Rektor UiTM Cawangan  
Semua Dekan Fakulti  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit  
Semua Warga UiTM

*Bil. Fail* : 100-UiTM (NC 6/2)  
*No Siri* : 100-UiTM (NC 6/2) 02